


## MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID PENDIDIKAN KHAS DALAM SUBJEK BAHASA MELAYU DENGAN MENGGUNAKAN APLIKASI MYBACA PKHAS BM TAHUN 2

\*Mohammad Arif Ab Samat

Sekolah Kebangsaan Naka, Kedah

Article Info	ABSTRAK
<p><b>Article history:</b> Received: 22 Dec 2024 Revised: 4 Jan 2025 Accepted: 29 Jan 2025 Published: 15 March 2025</p>	<p>Murid-murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) tahun dua Kelas Intelek Sekolah Kebangsaan Naka masih lemah dalam menguasai kemahiran membaca suku kata bagi subjek Bahasa Melayu. Selain itu, murid kurang motivasi dan minat untuk belajar dengan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) biasa. MyBaca Pkhas BM Tahun 2 bertujuan membantu memudahkan murid belajar dan meningkatkan minat mereka terhadap pengajaran subjek Bahasa Melayu. Inovasi MyBaca Pkhas BM Tahun 2 ini bermula dengan pemerhatian dan ujian yang dilakukan oleh guru semasa di dalam kelas bagi membantu memudahkan kefahaman murid dalam subjek Bahasa Melayu. Sebelum inovasi ini dijalankan semua murid mendapat markah di bawah 40% semasa ujian pentaksiran satu. Namun setelah diperkenalkan dengan inovasi ini ke semua murid kelas tahun dua Intelek berjaya mendapat markah 50% keatas dalam ujian pentaksiran dua. Aplikasi MyBaca Pkhas BM tahun 2 ini telah berjaya membantu murid pendidikan khas dalam menguasai kemahiran membaca suku kata terbuka untuk subjek Bahasa Melayu tahun dua. Aplikasi ini boleh dimuat turun daripada Play Store secara percuma dan murid boleh membaca dan membuat latihan yang ada dalam aplikasi ini pada bila-bila masa. Kajian ini membuktikan bahawa pendidikan berteraskan digital amat relevan dengan dasar pendidikan digital dan ianya juga terdapat dalam tujuh teras utama Kementerian Pendidikan Malaysia.</p>
<p><b>Keywords:</b> Bahasa Melayu program pendidikan khas integrasi aplikasi Mybaca Pkhas Tahun 2 pembelajaran digital Dasar Pendidikan Digital</p> <p> OPEN ACCESS</p>	

\*Corresponding Author:

Email: arifskkh@gmail.com



Creative Commons Attribution 4.0 International

Doi: 10.5281/zenodo.14963906

## **PENGENALAN**

Kelas Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran (PPKI) SK Naka telah dibuka pada tahun 2009. Pada mulanya, kelas pendidikan khas ini hanyalah menggunakan kuarters guru sebelum diubah suai menjadi kelas pendidikan khas sekitar tahun 2013. Pada masa ini, terdapat tujuh orang guru dan tiga orang pembantu pengurusan murid manakala bilangan murid pada tahun ini adalah seramai 28 orang yang dibahagi kepada empat buah kelas. Terdapat pelbagai kategori murid khas seperti sindrom down, disklesia, hiperaktif, autisme dan lembam. Kumpulan sasaran untuk kajian ini adalah untuk murid-murid dari kelas dua Intelek di mana dalam kelas itu terdapat tiga orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan yang masih belum menguasai kemahiran asas membaca dengan baik.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan di dalam kelas dan melalui buku latihan murid dan ujian pentaksiran, didapati enam orang murid tersebut tidak dapat menulis dan membaca suku kata asas dengan baik. Dengan ini, satu intervensi telah dijalankan dengan menghasilkan satu inovasi digital yang diberi nama MyBaca Pkhas BM tahun 2 dimana objektifnya adalah untuk membantu murid Pendidikan Khas tahun dua memahami topik yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu serta membantu murid menguasai kemahiran mengeja dan membaca suku kata. Menurut Phillips (2010), inovasi digital adalah satu langkah kedepan di dalam perkembangan pendidikan digital e-learning. Pembinaan aplikasi mobile yang berteraskan pendidikan ini mampu untuk menarik minat murid PPKI seiring dengan pengenalan Dasar Pendidikan Digital Negara. Menurut Chaidi dan Drigas (2022), penggunaan digital game mampu menjana minda murid Pendidikan Khas di mana modul pembelajaran boleh diubahsuai mengikut minat dan kebolehan murid.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Rafiee Jamian dan Hafsa Taha (2020) menyatakan aplikasi mudah alih adalah pendekatan bermain dalam pembelajaran dan pengajaran dalam kalangan murid sekolah rendah. Untuk mewujudkan satu aplikasi mudah alih yang dapat memenuhi keperluan murid, guru dan ibu bapa sebagai pengguna.

Thian dan Ewan (2020) menyatakan pembelajaran aplikasi mobile bermaksud persekitaran pembelajaran yang berlaku di pelbagai lokasi dengan jangka masa yang tidak terhad dan terdiri daripada bahan pembelajaran yang tidak terkira dari pelbagai sumber melalui alat mudah alih seperti tablet atau telefon pintar. Majoriti murid mempunyai teknologi mudah alih dan bersedia untuk menjalankan pembelajaran mobile.

Menurut Ahmad Sobri Shuib (2018) didalam Jurnal Pendidikan Dedikasi bahawa persekitaran mobile learning telah dikenalpasti sebagai sebagai kaedah yang baru dan menarik serta mampu mengubah cara manusia belajar. Melalui mobile learning, pembelajaran boleh berlaku melangkaui sempadan bilik darjah, tempat dan masa. Dapatan kajian beliau menunjukkan kesediaan dan peluang memberi pengaruh yang signifikan terhadap penggunaan mobile learning.

Dapatan kajian oleh Noor Muslieah Mustafa Kamal (2021) M-Learning atau juga dikenali sebagai mobile learning merupakan salah satu kaedah yang dapat memudahkan pelajar melakukan pembelajaran pada waktu dan tempat yang fleksibel. Kaedah ini merupakan konsep baru yang telah diperluaskan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang mampu menarik minat pelajar.

Faridah Abdul Rashid (2010) dalam kajiannya menyatakan penggunaan teknologi digital dapat mengubah suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih moden dan menarik berbanding kaedah tradisional. Hasil kajian mendapati bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran bersepadu yang digunakan di era Revolusi Industri 4.0. Penggunaan teknologi digital yang sesuai dapat meningkatkan pembangunan negara dan agama.

Secara keseluruhan, berdasarkan kajian lepas pelaksanaan pendidikan digital merupakan salah satu elemen dalam pembelajaran Abad ke-21 iaitu kemahiran maklumat, media dan teknologi. Ia sejajar dengan anjakan ketujuh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam melaksanakan e-pembelajaran di mana guru-guru akan mengajar murid-murid melibatkan penggunaan teknologi maklumat. Selain itu,

Kementerian Pendidikan juga telah melancarkan Dasar Pendidikan Digital di mana objektifnya adalah untuk memperkasakan pembelajaran secara digital secara lebih meluas.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan dijalankan dengan kaedah kajian kes. Ia dipilih berdasarkan kepada keinginan untuk memahami dengan mendalam serta ingin mendapat gambaran jelas berkaitan penggunaan mobile learning dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Melayu tahun dua pendidikan khas. Dalam usaha menjadikan fenomena kajian lebih bermakna, pengkaji telah memilih kelas tahun dua Intelek berdasarkan permasalahan yang mereka hadapi. Kajian yang dilakukan ini merupakan kajian tindakan yang menggunakan model kajian tindakan Kurt Lewin (1946), di mana dalam kajian tindakan ini memperlihatkan suatu kitaran langkah-langkah. Suatu kitaran kajian tindakan mempunyai empat langkah iaitu merancang, memerhati dan mereflek. Kitaran ini akan berterusan ke kitaran seterusnya yang melibatkan merancang semula, bertindak, memerhati dan mereflek bagi menghasilkan kitaran baru. Model kajian tindakan Lewin (1946) ini ditunjukkan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Model Kajian Kurt Lewin (1946)



## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**


Sebelum aplikasi ini diperkenalkan, murid Pendidikan Khas tahun 2 Intelek masih lemah untuk menguasai kemahiran membaca asas suku kata dalam subjek Bahasa Melayu. Mereka juga masih lemah dalam kemahiran mengeja dan membaca suku kata. Dalam ujian pentaksiran satu yang mengandungi ujian membaca dan menulis suku kata, murid tidak dapat menjawab soalan yang diberi dengan baik. Perkara dapat dilihat pada markah ujian penilaian satu di mana ke semua murid mendapat markah bawah 45% malah ada yang gagal.

Setelah diperkenalkan aplikasi ini, murid telah menunjukkan peningkatan dalam ujian pentaksiran dua. Hal ini dapat dilihat dalam markah ujian pentaksiran dua di mana ke semua murid telah berjaya mendapat markah 50% keatas. Menurut Abdul Rashid dan Hasmah (2013), guru perlu menyediakan bahan-bahan yang dapat merangsang minda dan minat murid serta sentiasa diubahsuai mengikut aktiviti yang dijalankan. Guru juga bertindak sebagai pemudah cara yang sentiasa membantu murid dalam aktiviti pembelajarannya. Kaedah pembelajaran dengan sokongan teknologi digital sangat efektif untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran terutama melibatkan murid Pendidikan Khas.

Jadual 3: Markah murid dalam ujian pentaksiran satu

Murid	Ujian membaca suku kata (1-30)	Ujian menulis suku kata (30-40)	Peratus (%)
A	13/30	3/10	40
B	12/30	3/10	38
C	12/30	2/10	36
D	14/30	4/10	44
E	12/30	2/10	36
F	13/30	4/10	42


Rajah 8: Markah murid kelas 2 Intelek dalam ujian pentaksiran satu



Jadual 4: Markah murid kelas 2 Intelek dalam ujian pentaksiran dua

Murid	Ujian membaca suku kata (1-30)	Ujian menulis suku kata (30-40)	Peratus (%)
A	19/30	5/10	60
B	18/30	5/10	57
C	16/30	6/10	55
D	21/30	6/10	68
E	16/30	5/10	53
F	19/30	6/10	63

Rajah 9: Perbezaan markah antara ujian pentaksiran satu dan dua



### KESIMPULAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Kajian ini telah membantu guru untuk mengenal pasti kelemahan dan permasalahan murid dalam menguasai kemahiran menulis dan membaca di dalam kelas dan seterusnya dapat merancang intervensi. Penghasilan aplikasi Mybaca Pkhas BM tahun 2 ini telah membantu murid untuk memahami dan menguasai kemahiran asas menulis dan membaca dengan lebih cepat dan berkesan. Aplikasi ini berpotensi diperluaskan ke seluruh negara di mana setiap murid boleh mengakses dengan memuat turun aplikasi ini dalam Play Store secara percuma. Menurut Muhammad Alie Muzakki (2019), aplikasi pendidikan yang terdapat di Play Store boleh digunakan dalam proses pembelajaran untuk menjadikan proses PdP mudah difahami dan menarik minat murid. Malahan, aplikasi pendidikan boleh membantu memperkukuhkan konsep pembelajaran dalam pembelajaran yang lebih interaktif (Noraini Othman, 2024). Secara tidak langsung, hal ini dapat membantu meningkatkan daya ingatan dan pemahaman murid.

Signifikan kajian ini secara khususnya dapat memberikan gambaran sebenar bagaimana pendidikan secara digital dapat dilaksanakan dengan berkesan dengan penggunaan mobile learning selaras dengan Dasar Pendidikan Digital. Kajian ini sekaligus mengesahkan pandangan pakar bahawa penggunaan mobile learning amat berkesan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran murid (Dermawan, 2016). Inovasi Aplikasi Mybaca Pkhas BM Tahun 2 ini boleh diperkembangkan lagi dari segi penggunaannya agar ianya menjadi lebih signifikan bukan sahaja untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran murid Pendidikan Khas tetapi juga untuk murid prasekolah, pemulihan khas dan murid kelas arus perdana. Pengkaji juga akan terus berusaha untuk memperhalus inovasi ini supaya ianya menjadi lebih mudah untuk kemudahan murid dan para guru.

Justeru, guru perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran teknologi agar dapat menghadapi era pendidikan digital Revolusi Industri 4.0. Guru perlu menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang bersifat interaktif. Siti Balqis dan Muniroh (2020), menyatakan bahawa PdP yang tidak menarik boleh menyebabkan murid-murid bersikap negatif terhadap pembelajaran. Guru amat digalakkan untuk menyediakan bahan bantu mengajar menggunakan teknologi terkini bagi merealisasikan hasrat Dasar Pendidikan Digital. Dengan kata lain, guru perlu lebih kreatif dan berinovasi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran supaya dapat mendorong murid untuk menonjolkan pemikiran kritis dan kreatif mereka. Kepentingan pendidikan digital menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil keputusan untuk melaksanakan Dasar Pendidikan Digital. Dasar ini diwujudkan bertujuan untuk melahirkan generasi yang celik dalam teknologi digital dan juga mampu bersaing di peringkat global. Tujuan lain Dasar Pendidikan Digital ini dijalankan adalah untuk melahirkan generasi yang fasih dalam digital yang mampu menggunakan teknologi bukan hanya untuk belajar tetapi juga untuk mengatasi cabaran masa hadapan. Sementara itu dalam ucapan Menteri Pendidikan Malaysia, Fadhlina Sidek semasa sambutan Majlis Hari Guru Peringkat Kebangsaan ke-53 sekolah di Pahang ada menyebut pembelajaran kecerdasan buatan atau Artificial

Intelligence (AI) akan dilaksanakan seawal peringkat sekolah rendah menjelang persekolahan 2027. Ini membuktikan bahawa kerajaan begitu serius dalam usaha melahirkan generasi yang fasih dalam digital.

Secara keseluruhannya, kajian ini terbukti berjaya membantu murid Pendidikan Khas tahun 2 Intelek dalam menguasai kemahiran menulis dan membaca suku kata untuk subjek Bahasa Melayu. Dengan penggunaan aplikasi MyBaca Pkhas BM Tahun 2 ini, ianya telah dapat memberi impak yang sangat positif bukan sahaja kepada murid tetapi juga kepada ibu bapa. Rata-rata murid sangat berminat untuk belajar dengan menggunakan aplikasi ini. Dengan penghasilan nota yang ringkas dan padat serta latihan pengukuhan yang interaktif, ianya telah membantu murid memahami sesuatu topik pembelajaran itu dengan lebih cepat dan berkesan. Bagi kajian yang akan datang, cadangan untuk melakukan kajian mengenai penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam membantu pengajaran dan pembelajaran guru.

## REFERENCES

- Abdul, R. J., & Ismail, H. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 49–63.
- Ahmad, S. S. (2018). Pengaruh pengalaman teknologi, peluang dan kesediaan terhadap penggunaan mobile learning di institut pendidikan guru zon utara. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 18, 143–166.
- Chong, C. Y. (2021). Keberkesanan pembelajaran berasaskan permainan digital (PBPD) terhadap pencapaian mata pelajaran Sejarah murid sekolah rendah. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 5(1), 49–53.
- Chaidi, I., & Drigas, A. (2022). Digital games & special education. *Technium Social Sciences Journal*, 34(1), 214–236. <https://doi.org/10.47577/tssj.v34i1.7054>
- Darmawan, D. (2016). *Mobile learning: Sebuah aplikasi teknologi pembelajaran*. Jakarta: RajaGrafindo Persada.
- Faridah, A. R. (2010). *Cabaran penyelidikan dan pendidikan dalam era digital*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Manual kajian tindakan (Edisi ketiga)*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lewin, K. (1946). Action research and minority problems. *Journal of Social Issues*, 2(4), 34–46. <https://doi.org/10.1111/j.1540-4560.1946.tb02295.x>
- Muzakki, M. A. (2019). Implementasi Kahoot sebagai media pembelajaran berbasis digital game-based learning dalam menghadapi era revolusi industri 4.0. *Universitas Nahdlatul Ulama Jepara*.
- Othman, N. (2024). Kepentingan pembelajaran digital dalam pendidikan murid-murid sekolah rendah. <https://www.cikgunorainiothman.com>
- Kamal, N. M. M. (2021). Pendekatan heutagogi dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) menggunakan M-Pembelajaran. *Kuala Lumpur: Universiti Malaya*.
- Zahari, N. H. A. H., Norshah, S., & Syamsuddin, W. S. N. (2021). Kepentingan pengajaran dan pemudahcaraan berbantuan permainan digital bagi mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah. *Journal of Revealed Knowledge*, 2(2), 19–28.
- Phillips, P. P. (2010). *ASTD handbook measuring and evaluating training*. American Society for Training and Development.
- Rafiee, J., & Taha, H. (2020). Analisis keperluan kebolegunaan aplikasi mudah alih terhadap minat dan pengetahuan asas matematik Tahun 4: Need analysis of mobile application usability specifications for mathematics Year 4: Constructs of attitude, interest, and basic knowledge. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 10(1), 9–15.
- Mahlan, S. B., & Hamat, M. (2020). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>.
- Thian, J.L., & Matore, M. E. @ E. (2020). Kesiediaan guru dan pelajar terhadap pembelajaran mobile dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc): Sorotan literatur bersistematik. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 11(1), 45–59.